

Lebih 5,000 atlet berkampung di UKM

KOSMO 01/12/07 pg. 58

LEBIH 5,000 atlet dan pegawai dari 65 kontinjen bakal berada tenaga pada Kejohanan Sukan Persatuan Badan-Badan Berkanun yang akan membuka tirainya secara rasmi hari ini.

Bagi penganjuran edisi kelima ini, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dipertanggungjawab selaku tuan rumah pada kejohanan yang akan berakhir pada 8 Disember ini.

Menariknya, sebanyak 14 acara sukan akan dipertandingkan dengan melibatkan lapan gelanggang kejohanan di sekitar Lembah Klang.

Antara sukan yang dipertandingkan ialah bola jaring, sepak takraw, badminton campuran, boling, boling padang, golf, karom, dart, olahraga, bola sepak, tenis, ping pong dan skuasy campuran.

Bagi acara bola jaring dan boling padang, penganjur memilih Bukit Kiara sebagai lokasi kejohanan sementara acara sepak takraw akan dilangsungkan di Serdang, badminton (Stadium Tertutup USIM), boling (Metro Kajang) dan acara-acara lain dijadualkan berlangsung di UKM sendiri.

Begitupun, UKM selaku penganjur tetap menjanjikan sesuatu yang menarik sepanjang kejohanan ini dan bertekad untuk menjadikan kejohanan kali ini sebagai penganjuran terbaik dalam sejarah.

"UKM selaku penganjur sudah membuat persiapan rapi sejak beberapa bulan lalu bagi

memastikan kejohanan ini berjalan lancar," jelas Pengerusi Kejohanan, Prof. Datuk Dr. Mohd. Wahid Samsudin (**gambar**) yang juga Timbalan Naib Cancellor Hal Ehwal Pelajar & Alumni UKM.

Pada masa yang sama, Wahid tetap melahirkan keyakinannya dengan tahap kemampuan UKM untuk bersaing dengan pasukan-pasukan lain.

"Tetapi kami tetap realistik kerana kejohanan ini disertai 65 kontinjen dengan lebih 5,000 peserta akan bersaing."

"Begitupun, saya cukup bangga melihat kesungguhan daripada beberapa pasukan terutamanya Dewan Bandaraya Kuala Lumpur yang dilaporkan menghantar kontinjen terbesar iaitu seramai 400 orang," jelas Wahid.

Wahid turut mengesahkan bahawa empat pasukan baru akan membuat penampilan pertama pada kejohanan dwi-tahunan ini.

Antaranya ialah Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Majlis Perbandaran Subang Jaya dan Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

"Selain itu, kita juga mendapat penyertaan dari Sabah, Sarawak dan Labuan yang masing-masing menghantar wakil seperti Dewan Bandaraya Kuching, Perbadanan Labuan, Lembaga Pelabuhan Bintulu dan Universiti Malaysia Sabah," tambahnya.

